



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2011/2012**

<b>NAMA KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>PENGAJIAN ISLAM</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>UWA10102</b>
<b>PROGRAM</b>	<b>:</b>	<b>1 BBC, BDC, BDD, BDM, BEB, BED, BEF, BFF, BIT, BPA, BPD, BSC 2 BDD</b>
<b>TARIKH PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>JANUARI 2012</b>
<b>JANGKA MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM</b>
<b>ARAHAN</b>	<b>:</b>	<b>A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN</b>

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TUJUH BELAS (17) MUKA SURAT**

- S1 Menjadikan Islam sebagai ad-Deen bererti menjadikan Islam sebagai
- A cara hidup dalam ibadat khusus
  - B cara hidup dalam semua aspek kehidupan
  - C agama rasmi sesebuah masyarakat dan Negara
  - D cara hidup dalam perundangan jenayah dan sosial
- S2 '*Istaslama*' dalam bahasa Arab bermaksud
- A aman dan damai
  - B tunduk dan taat
  - C selamat dan sejahtera
  - B sejahtera dan harmoni
- S3 Islam dari segi istilah adalah menyerah diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t. dengan
- A mentauhidkanNya, taat, tunduk dan patuh, keikhlasan yang lahir dalam diri secara menyeluruh
  - B mentauhidkanNya, taat, tunduk dan patuh serta beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w
  - C keikhlasan yang lahir dalam diri secara menyeluruh serta beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w
  - D taat, tunduk dan patuh, keikhlasan yang lahir dalam diri secara menyeluruh serta beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w
- S4 Menjadikan Islam sebagai suatu cara hidup bermakna
- I mentaati dan mematuhi segala perintah Allah s.w.t.
  - II memahami bahawa peraturan yang ditentukan oleh Islam bersesuaian dengan fitrah manusia
  - III menerima dan mengamalkan sebahagian daripada perintah dan peraturan Islam dalam kehidupan
  - IV menjadikan Islam sebagai undang-undang dan peraturan yang lengkap dalam semua urusan kehidupan
- A I dan II
  - B III dan IV
  - C I, II dan IV
  - D Semua di atas

S5 Asal perkataan Islam adalah daripada kata '*salam*' yang bermaksud

- I taat dan menyerah diri
- II damai, aman dan sejahtera
- III tunduk dan patuh kepada Rasulullah s.a.w.
- IV sejahtera dan tidak tercela zahir & batin

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S6 Dari sudut bahasa akidah bermaksud

- I perjanjian dan kontrak
- II ikatan dan perjanjian
- III ikatan dan simpulan
- IV kepercayaan dan keyakinan

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S7 Berikut adalah antara ciri-ciri kesempurnaan Islam **kecuali**

- A ciptaan dari Allah s.w.t
- B berasaskan wahyu Allah
- C lengkap dan menyeluruh
- D diasaskan oleh Nabi Muhammad s.a.w

S8 Aqidah bermakna kepercayaan yang tersimpul

- A sehingga tidak mungkin akan terhurai atau terputus walau oleh apa jua keadaan dan suasana.
- B dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan terhurai atau terputus walau oleh apa jua keadaan dan suasana.
- C kukuh dan teguh dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan terhurai atau terputus walau oleh apa jua keadaan dan suasana.
- D kukuh dan teguh dalam pandangan manusia sehingga tidak mungkin akan terhurai atau terputus walau oleh apa jua keadaan dan suasana.

S9 Tauhid dari segi bahasa diambil dari perkataan \_\_\_\_\_ yang bermaksud mengesakan

- A *wahhada*
- B *wahhadan*
- C *wahhidan*
- D *wahhidadan*

**S10** Dari sudut istilah tauhid bermaksud

- I mengiktikad keEsaan Allah s.w.t
  - II keyakinan berdasarkan dalil-dalil aqliah
  - III mengEsakan sifat dan perbuatan Allah s.w.t.
  - IV mengEsakan Allah s.w.t. tanpa melakukan syirik
- A I dan II
  - B II dan III
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas

**S11** Ilmu Tauhid membahaskan tentang perkara berikut **kecuali**

- A Memperkatakan tentang cabang-cabang syariah
- B Memperdebatkan tentang kalam Allah s.w.t. (al-Quran)
- C Memperkatakan pokok-pokok agama (usul agama), terutama mengenai ketuhanan
- D Memperkatakan tentang keEsaan Allah s.w.t., serta membahaskan soal-soal yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah s.w.t.

**S12** Berikut pernyataan yang paling **benar** mengenai 'hukum mempelajari ilmu Tauhid'

- A Wajib fardhu kifayah ke atas setiap mukallaf bagi mengetahui sifat-sifat Allah s.w.t. secara ijmal (ringkas) berserta dalil
- B Wajib fardhu ain ke atas setiap mukallaf bagi mengetahui sifat-sifat Allah s.w.t. secara tafsili (terperinci) berserta dalil
- C Wajib fardhu ain ke atas setiap mukallaf bagi mengetahui sifat-sifat Allah s.w.t. sama ada secara ijmal atau secara tafsili berserta dalil ijmal
- D Wajib fardhu ain ke atas setiap mukallaf bagi mengetahui sifat-sifat Allah s.w.t. sama ada secara ijmal atau secara tafsili (terperinci) berserta dalil tafsili

**S13** Berikut adalah kenyataan yang **benar** tentang Qadha' dan Qadar **kecuali**

- A Qadha' boleh tertolak dengan sebab doa
- B Qadha' terbahagi dua iaitu Mubram dan Mu'allaq
- C Qadha' ialah pelaksanaan ketetapan Allah sejak azali terhadap makhluk dan Qadar adalah penetapan
- D percaya bahawa manusia ditetapkan rezekinya hidup dan mati serta jodoh dan perpisahan sejak awal

S14 Siapakah tokoh terawal dalam kalangan Khulafa' al-Rasyidin terlibat dalam mempelopori ilmu-ilmu al-Quran?

- I Ibnu Mas'ud
- II Malik bin Anas
- III Umar bin Khattab
- IV Ali bin Abi Thalib

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S15 Apakah penekanan utama dalam pengajaran al-Quran ?

- A Sifat semulajadi manusia
- B Konsep ketauhidan Allah s.w.t
- C Kepentingan memperakui kewujudan Allah s.w.t
- D Akhlak dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah s.w.t

S16 Apakah nama ilmu yang membincangkan tentang pelbagai jenis keindahan makna dan perumpamaan di dalam ayat-ayat al-Quran?

- A *Badi' al-Quran*
- B *Aqam al-Quran*
- C *Hujajil al-Quran*
- D *Gharib al-Quran*

S17 Siapakah tokoh terawal dalam kalangan *tabi' tabi'in* yang menjadi pelopor kepada ilmu-ilmu al-Quran?

- A Zaid bin Thabit
- B Ubay bin Ka'ab
- C Malik bin Anas
- D Jaid bin Aslam

S18 Siapakah yang ditugaskan untuk mengumpulkan wahyu ke dalam satu mashaf?

- A Zaid bin Thabit
- B Khalifah Abu Bakar
- C Abdullah bin Zubair
- D Abu Aswad al-Duwali

S19 Nyatakan bentuk-bentuk penerimaan hadis.

- I *Al-Sama'*
- II *Al-Ijazah*
- III *Al-Wasiah*
- IV *Al-Munawalah*

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S20 Gelaran bagi menggambarkan tahap penguasaan para ulama dalam ilmu hadis adalah **kecuali**

- A al-Hafiz
- B al-Musnid
- C al-Muhaddith
- D al-Mukatabah

S21 Mengapakah gelaran Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak digunakan semasa zaman para sahabat?

- A Gelaran 'sahabat' lebih mulia dan tinggi kedudukannya
- B Para sahabat tidak tergolong dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah
- C Golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah belum wujud di zaman para sahabat
- D Para sahabat tidak sesuai menggunakan gelaran Ahli Sunnah Wal Jamaah

S22 Berikut antara sebab istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah digunakan secara meluas **kecuali**

- A membezakan kelompok umat Islam yang mengamalkan Islam dengan golongan bid'ah yang sesat
- B membezakan kelompok umat Islam dengan beberapa mazhab atau aliran akidah yang bercanggah daripada Islam
- C membezakan kelompok umat Islam dari golongan Muktazilah yang mendahului akal dari dalil al-Quran dan al-Hadith
- D membezakan kelompok umat Islam dari golongan orang bukan Islam yang mengemukakan hujjah menolak Allah sebagai Tuhan

S23 Apakah nama lain bagi golongan yang berpegang kepada Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?

- I Sunni
- II al-'Asya'irah
- III al- Hanabilah
- IV al-Maturidiyyah

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S24 Berikut adalah antara ciri-ciri manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah **kecuali**

- A mendahulukan akal dari nas syara'
- B melakukan *amar ma'ruf dan nahi Munkar*
- C berusaha menyekat perkara yang membawa kepada bid'ah
- D kata-kata, pendapat dan tafsiran sahabat dikira sebagai hujjah

S25 Soalan 25 dan Soalan 26 berdasarkan pernyataan 1

Firman Allah S.W.T:

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ

Maksudnya:

*Bahwasanya orang-orang yang berjanji setia kepada kamu sesungguhnya mereka berjanji setia kepada Allah, tangan Allah di atas tangan-tangan mereka*

Pernyataan 1

Ayat yang digariskan di dalam pernyataan 1 di atas dinamakan sebagai ayat

- A *muhkamat*
- B *mufassirin*
- C *muhadditin*
- D *mutasyabihat*

S26 Pilih pernyataan yang **benar** berkenaan tafsiran ayat bergaris di dalam pernyataan 1 di atas.

- A Golongan salaf mentakwilkan ayat tersebut dengan menyatakan maksud tangan Allah s.w.t. sebagai kekuasaan Allah s.w.t.
- B Golongan khalaf mentakwilkan ayat tersebut dengan menyatakan maksud tangan Allah s.w.t. sebagai pandangan Allah s.w.t.
- C Golongan khalaf tidak mentakwilkan ayat tersebut dan menyatakan Allah Maha Suci dari segala sifat-sifat yang menyerupai makhlukNya.
- D Golongan salaf tidak mentakwilkan ayat tersebut dan menyatakan Allah Maha Suci dari segala sifat-sifat yang menyerupai makhlukNya.

S27 Siapakah pemerintah yang menukarkan dasar pemerintahan dari mazhab Muktazilah kepada akidah Ahli Sunnah al Jamaah sebagai pegangan rasmi negara?

- A Al-Makmun
- B Al-Muktasim
- C Al-Mutawakkil
- D Al-Muawiyah

- S28 Dalam penggunaan masa kini, golongan khalaf merujuk kepada aliran
- I *Hanabilah*
  - II *Wahabiyyah*
  - III *'Asya'iriyyah*
  - IV *Maturidiyyah*
- A I dan II
  - B III dan IV
  - C I, II dan IV
  - D Semua di atas
- S29 Apakah satu daripada tindakan Rasulullah s.a.w. yang berikut dalam melaksanakan amanah mengembangkan akidah tauhid?
- A Membina akidah diri
  - B Menilai bentuk akidah
  - C Membentuk kekuatan diri
  - D Membina akidah yang benar
- S30 Siapakah golongan pertama keluar dari Akidah Ahli Sunnah Wal Jamah hasil daripada pertelingkahan politik?
- A Syiah
  - B Murji'ah
  - C Khawarij
  - D Muktazilah
- S31 Berikut adalah pandangan Syiah terhadap Saidina Ali **kecuali**
- A orang di anggap sebagai Tuhan kepada pengikut-pengikutnya
  - B orang yang berperanan menimbulkan masalah di kalangan khalifah
  - C orang yang lebih berhak menjadi nabi Allah daripada Nabi Muhammad s.a.w.
  - D orang yang berhak menjadi khalifah sebagai pengganti Nabi Muhammad s.a.w.
- S32 Siapakah golongan yang dikenali dengan *Muktazilah*?
- A Golongan yang berfahaman Yahudi
  - B Golongan yang mendahului logik akal
  - C Golongan yang menafikan takdir Allah s.w.t.
  - D Golongan yang menggugat kestabilan negara
- S33 Apakah punca pertelingkahan antara Wasil bin Ata' dengan gurunya Hassan al-Basri yang menyebabkan lahirnya golongan Muktazilah?
- A Mengenai perjawatan dalam khilafah Islam
  - B Mengenai kedudukan orang melakukan dosa
  - C Mengenai mereka yang melakukan syirik kepada Allah
  - D Mengenai kepercayaan terhadap Nabi Muhammad sebagai nabi



- S34 Apakah pandangan golongan Jabariyyah tentang manusia?
- A Manusia tidak dicipta oleh sesiapa
  - B Manusia tidak ada sebarang kuasa
  - C Manusia berkuasa di atas segala yang berlaku
  - D Manusia yang menentukan kehidupan mereka
- S35 Berikut adalah antara ciri-ciri ajaran sesat **kecuali**
- A mempercayai gurunya boleh menebus dosa dengan wang
  - B mengaku dirinya sebagai wali dan mempunyai keramat tertentu
  - C mengaku dirinya adalah pengikut ajaran Islam Nabi Muhammad s.a.w
  - D guru atau mahaguru ajaran itu biasanya berkata ajaran hendaklah dirahsiakan
- S36 Apakah pegangan golongan Qadariyyah yang menyebabkan mereka dikategorikan sebagai golongan yang terkeluar daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?
- A Menafikan kuasa manusia
  - B Menafikan takdir Allah s.w.t
  - C Mengatakan Allah s.w.t. pencipta
  - D Menidakkan kekuasaan Allah s.w.t
- S37 Berikut adalah antara faktor yang menyebabkan berkembangnya ajaran sesat **kecuali**
- A kurang asas pendidikan agama
  - B keghairahan mencari ketenangan jiwa
  - C mempunyai rakan dalam pelbagai bidang
  - D berpegang teguh dengan adat dan kepercayaan
- S38 Apakah penyumbang utama kepada perkembangan ajaran sesat di Malaysia?
- A Umat Islam menjauhi para ulama'
  - B Umat Islam terlalu berpandangan jauh
  - C Sikap terlalu ingin menjadi pemimpin
  - D Umat Islam jauh dari al-Quran dan al-Sunnah
- S39 Berikut adalah ciri-ciri muzik *Black Metal* **kecuali**
- A mereka menggunakan gitar elektrik
  - B petikan gitar menggunakan irama muzik yang keras
  - C lirik gitar yang nyaring dan menggunakan bunyi gitar yang tebal
  - D pengeluaran album yang terhad kerana permintaan yang kurang

- S40** Apakah mazhab fiqh muktabar yang termasuk golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah?
- A Zaidi, Jaafari, Sunni dan Syafie
  - B Maliki, Zaidi, Syafie dan Hanbali
  - C Syafie, Hanbali, Hanafi dan Maliki
  - D Hanafi, Syafie, Hanbali dan Ismaili
- S41** Negara manakah kebanyakan umat Islamnya mengikut Mazhab Syafie?
- I Brunei
  - II Filipina
  - III Thailand
  - IV Indonesia
- A I dan II
  - B III dan IV
  - C I, II dan IV
  - D Semua di atas
- S42** Sumber-sumber hukum fiqh yang disepakati oleh kebanyakan ulama adalah
- A al-Quran, sunnah, ijmak dan qiyas
  - B al-Quran, hadis, al-ra'y dan istihsan
  - C al-Qiyas, ijmak, sunnah dan maslahah
  - D al-Quran, sunnah, qaul sahabi dan qiyas
- S43** Apakah ilmu yang berkaitan dengan kaedah penyelidikan (istinbat) hukum?
- A Faraid
  - B Usul Fiqh
  - C Ulum Quran
  - D Istinbat hukum
- S44** Aliran Fuqaha *al-ra'y* kebanyakan berpusat di
- A Mesir dan Libya
  - B Iraq dan Madinah
  - C Kufah dan Basrah
  - D Madinah dan Mesir
- S45** Tokoh mujtahid fiqh terulung yang lahir dari kalangan Madrasah al-Hadith ialah
- A Malik bin Anas
  - B Said ibn Musayib
  - C Urwah Ibn Zubair
  - D Abu Bakar al-Siddiq

- S46 Mujtahid fiqh terulung yang cenderung kepada aliran *al- ra'y* ialah
- A Imam Ghazali
  - B Imam Abu Hanifah
  - C Abdullah ibn Masud
  - D Aswad ibn Yazid al al-Nakhai
- S47 Mujtahid yang menguasai keilmuan dan kedua-dua aliran al-Hadis dan al-Ra'y iaitu
- A Malik bin Anas
  - B Ahmad ibn Hanbal
  - C Daud ibn Ali al-Zahiri
  - D Muhammad ibn Idriyah al-Syafie
- S48 Apakah nama lain bagi al-Qur'an?
- A Al-Kitab, al-Asyir, al-Tanzil dan al-Zikr
  - B Al-kitab, al-Furqan, al-Tanzil dan al-Fiqr
  - C Al-kitab, al-Furqan, al-Wasil dan al-Zikr
  - D Al-kitab, al-Furqan, al-Tanzil dan al-Zikr
- S49 Apakah maksud perkataan al-furqan?
- A Penyampaian melalui malaikat Jibril
  - B Pemberitahuan yang dibaca dan ditulis
  - C Peringatan kepada kaum yang beriman
  - D Pembeza antara yang hak dan yang bathil
- S50 Generasi terawal umat Islam tidak memerlukan satu ilmu tertentu bagi memahami ayat-ayat al-Quran kerana:
- I Rasulullah s.a.w. dijadikan rujukan utama dalam permasalahan yang dihadapi oleh sahabat
  - II Umat Islam belum terdedah kepada situasi dan keadaan yang memerlukan ilmu khas dalam menyelesaikan permasalahan umat
  - III Rasulullah s.a.w. tidak memberi peluang kepada sahabatnya untuk berijtihad dalam mencari ilmu-ilmu untuk memahami kehendak wahyu
  - IV Generasi awal umat Islam sangat faham dengan al-Qur'an sehingga tidak memerlukan ilmu-ilmu sokongan untuk memahami kehendak wahyu
- A I dan II
  - B III dan IV
  - C I, II dan IV
  - D Semua di atas

- S51 Peperangan yang melibatkan ramai penghafaz al-Quran terbunuh selepas wafatnya Nabi Muhammad s.a.w. adalah perang
- A Uhud
  - B Siffin
  - C Badar
  - D Yamamah
- S52 Antara bentuk-bentuk penerimaan hadith adalah
- A al-Sama`, al-Qira`ah, al-Ijazah dan al-Munawalah
  - B al-Baqa`, al-Qira`ah, al-Ijazah dan al-Munawalah
  - C al-Sama`, al-Qira`ah, al-Ijazah dan al-Mutawatirah
  - D al-Sama`, al-Bid`ah, al-Ijazah dan al-Munawalah
- S53 Kaedah penerimaan hadis melalui pendengaran secara terus oleh periwayat kepada lafaz yang dikeluarkan oleh gurunya disebut:
- A al-Sama`
  - B al-Qira'ah
  - C al-Jama'ah
  - D al-Munawalah
- S54 Muamalat ialah tatacara atau peraturan dalam perhubungan manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing yang berlandaskan syariat Allah s.w.t. melibatkan bidang \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ Islam.
- A Ekonomi, sosial
  - B Ekonomi, pentadbiran
  - C Politik, pengurusan kewangan
  - D Sosial, pentadbiran urustadbir korporat
- S55 Pengertian *Wadi'ah* dari segi istilah ialah
- A memberikan kuasa kepada orang lain untuk menjaga harta
  - B meletakkan sesuatu harta kepada orang lain dengan tujuan perniagaan
  - C membuat penebusan hasil keuntungan daripada sesuatu transaksi jualbeli
  - D memberikan hak penjagaan harta kepada orang lain bagi mendapatkan keuntungan
- S56 Dalil pensyariatan *Wadi'ah* adalah berdasarkan
- A al-Quran
  - B al-Sunnah
  - C al-Quran, al-Sunnah, ijmak
  - D al-Quran, al-Sunnah, Ijmak, Qiyas.

S57 *Mudharabah* terbahagi kepada dua iaitu

- A *Mudharabah Mutlaah* dan *Mudharabah Muqayyadah*
- B *Mudharabah Mulaqah* dan *Mudharabah Muqayyadah*
- C *Mudharabah Mutlaqah* dan *Mudharabah Muqayyadah*
- D *Mudharabah Mufawaqah* dan *Mudharabah Muqayyadah*

S58 Prinsip muamalat Islam ialah

- I berteraskan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t.
- II sentiasa menerapkan sifat-sifat mulia dalam mencari harta kekayaan.
- III bertujuan untuk mengaut keuntungan daripada aktiviti perniagaan harian
- IV harta yang diperolehi digunakan pada perkara-perkara yang haram dan memudaratkan

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S59 Manakah **bukan** prinsip syariah dalam sistem muamalat Islam

- I Riba
- II Gharar
- III Syubhah
- IV Penipuan

- A I dan II
- B II dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S60 Antara faktor takaful diharuskan dalam Islam adalah

- I tidak bertujuan mengaut keuntungan
- II tidak berbentuk perniagaan yang berorientasikan keuntungan
- III berbentuk '*uqud mu'awadah maliah* (kontrak jual beli atau perniagaan)
- IV berbentuk sumbangan derma kepada individu yang menerima musibah

- A I dan II
- B II dan IV
- C I, II dan IV
- D semua di atas

- S61 Matlamat pelaksanaan Undang-undang Islam adalah seperti berikut **kecuali**
- A pemulihan
  - B persamaan
  - C pencegahan
  - D pembalasan
- S62 Cara pensabitan *qazaf* adalah seperti berikut **kecuali**
- A sumpah
  - B pengakuan tertuduh
  - C *qarinah* atau ada bukti
  - D keterangan dua orang saksi
- S63 Syarat yang membolehkan peminum arak dikenakan hukum hudud adalah seperti berikut **kecuali**
- A tahu haram
  - B tidak darurat
  - C bukan dipaksa
  - D tiada kesamaran
- S64 Hukuman bagi perompak yang mengganggu ketenteraman awam adalah
- A disalib
  - B balas bunuh
  - C buang daerah
  - D potong tangan secara bersilang
- S65 Hukuman bagi penzina *muhsan* adalah
- A dibunuh
  - B buang daerah
  - C sebat seratus kali
  - D rejam sampai mati
- S66 Apakah kedudukan penjenayah bukan Islam dibawah undang-undang jenayah Islam?
- A Salib
  - B Qisas
  - C Civil
  - D Takzir
- S67 Pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di khalayak ramai adalah bertujuan untuk
- A membalas
  - B mencemuh
  - C memalukan
  - D pengajaran

S68 Mengikut Mazhab Syafie, hukum berubat menggunakan arak adalah

- A sunat
- B harus
- C haram
- D makruh

S69 Pilih etika kerja dalam Islam.

- I Bekerja dengan ikhlas dan cermat
- II Bekerja dengan azam mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.
- III Bekerja dengan tergesa-gesa sehingga hasil yang didapati tidak memuaskan
- IV Bekerja dengan semangat gotong-royong dan berpandukan fikiran yang sihat

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S70 Apakah yang dimaksudkan dengan bekerja penuh azam untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.?

- A Bekerja dengan mengikut segala suruhan-Nya dan menjauhi segala laranganNya
- B Bekerja dengan bersungguh-sungguh sehingga mendapat pujian daripada orang ramai
- C Bekerja kerana terpaksa melakukannya walaupun mengetahui pengharaman suatu pekerjaan
- D Bekerja untuk mendapat kekayaan yang cepat sehingga kemewahan boleh disumbangkan kepada masyarakat yang memerlukan

S71 Antara yang berikut yang manakah termasuk dalam integriti dalam perkerjaan.

- I Integriti individu
- II Integriti organisasi
- III Integriti penampilan
- IV Integriti penjawat awam

- A I dan
- B II dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S72 Apakah yang dimaksudkan dengan perkahwinan?

- A Satu peraturan yang digariskan oleh Allah dalam Al-Quran.
- B Syariat yang mengatur urusan berkaitan hubungan lelaki dan wanita melalui perkahwinan.
- C Ikatan yang mengharuskan perhubungan antara lelaki dan perempuan mengikut syarat tertentu.
- D Membentuk sebuah keluarga yang bahagia yang sentiasa berpandukana pada bimbingan al-Quran dan al-Sunnah

S73 Bilakah hukum perkahwinan itu boleh menjadi haram?

- A Bagi yang ada kemampuan dan keinginan
- B Tiada kemampuan tetapi mempunyai keinginan
- C Berniat menzalimi wanita dan tidak mampu menunaikan hak
- D Mempunyai kemampuan, keinginan dan bimbang terjerumus kepada perzinaan

S74 Maksud hadis Rasulullah s.a.w. riwayat Bukhari dan Muslim.

*“Wanita dikahwini kerana empat sebab, iaitu kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Maka pilihlah yang taat kepada agama nescaya kamu akan beruntung.”*

Apakah perkara terkandung dalam hadis di atas?

- A Keturunan
- B Berkasih-sayang
- C Hak memilih pasangan
- D Mengeratkan silaturahmi

S75 Berikut merupakan rukun nikah kecuali

- A niat
- B wali
- C ijab dan qabul
- D pengantin lelaki dan perempuan

S76 Apakah tanggungjawab bersama suami dan isteri?

- I Hormat menghormati
- II Memelihara keharmonian rumahtangga
- III Taat perintah suami
- IV Mendidik anak-anak

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas



S77 Apakah langkah-langkah yang sesuai bagi mendidik isteri yang nusyuz?

- I Nasihat dan teguran
- II Asingkan tempat tidur
- III Terus menceraikan isteri
- IV Pukul hingga memudaratkan

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S78 Proses pembentukan keluarga dalam Islam.

- I Mengadakan walimah
- II Menentukan pasangan
- III Melakukan peminangan
- IV Mengadakan mas kahwin

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S79 Firman Allah yang bermaksud :

*“Maka kahwinilah wanita-wanita lain yang kamu senangi dua, tiga, atau empat. kemudian jika kamu takut tidak dapat berlaku adil, maka (kahwinilah) seorang sahaja”*  
(surah an-Nisa’: 3)

Apakah kandungan yang penting dalam firman Allah s.w.t. di atas?

- A Mengelakkan lelaki dari bertukar ganti wanita.
- B Dapat melindungi kaum lelaki daripada perbuatan keji seperti berzina
- C Melindungi kaum lelaki daripada perbuatan melakukan kemaksiatan dan dosa
- D Seorang lelaki boleh menikah lebih daripada seorang isteri tetapi tidak lebih dari empat orang

S80 Apabila seseorang anak yang belum mumayyiz dan ibu bapanya telah bercerai. Siapakah yang diberi keutamaan mendidik dan memelihara anak yang belum memayiz apabila berlaku perceraian?

- A Ibu
- B Bapa
- C Nenek
- D Ibu Saudara